

1. Rajah menunjukkan harga jual sebuah kipas angin.



RM69

Untung daripada jualan sebuah kipas angin itu ialah RM31. Hitung harga kos sebuah kipas angin itu.

RM

2. Rajah menunjukkan harga jual dua jenis makanan laut.



RM25



RM18

Harga kos ikan bawal ialah RM20 sekilogram. Harga kos udang pula RM15 sekilogram. Kira peratus untung bagi jualan sekilogram setiap makanan laut itu.

%

3. Jadual menunjukkan harga bagi dua jenis barang.

Barang	Harga Kos	Harga Jual
Televisyen	RM11 600	RM13 900
Perabot	RM18 500	

Syarikat Tuah mendapat untung jualan perabot yang sama dengan untung jualan televisyen. Berdasarkan jadual di atas, berapakah harga jual perabot itu?

RM

4. Harga jual bagi 5 kotak coklat ialah RM60. Ali membeli 100 kotak coklat itu. Kemudian, dia menjual sekotak coklat itu dengan harga RM16. Berapakah jumlah keuntungan jualannya?

RM

5. Salman menjual 3 buah kamera model lama. Dia mengalami kerugian bernilai RM128 bagi jualan sebuah kamera. Harga kos sebuah kamera itu ialah RM3 605. Hitung hasil jualan 3 buah kamera itu.

RM

6. Jadual menunjukkan harga barang di 2 buah kedai.

Barang	Harga satu unit	
	Kedai P	Kedai Q
TV LED	RM9 888	RM10 060
Pembersih udara	RM1 250	RM999
Set Hi-fi	RM4 130	RM3 866

Sani membandingkan harga di kedua-dua kedai. Dia membeli setiap jenis barang di kedai yang menawarkan harga lebih rendah. Siti pula membeli setiap jenis barang di kedai Q. Berapakah beza perbelanjaan antara mereka?

RM